

19 OCT 2003

Mahathir-Tiba (Bergambar)/I

DR MAHATHIR TIBA UNTUK HADIRI FORUM APEC 2003

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) 2003.

Pesawat khas yang membawa Dr Mahathir dan rombongan termasuk isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, mendarat di lapangan terbang tentera udara Thailand di sini pada pukul 9 pagi (waktu tempatan).

Ketibaan beliau disambut Timbalan Perdana Menteri Thailand, Wissanu Krea-ngam.

Turut menyambut ketibaaan pemimpin negara ialah Duta Besar ke Thailand, Datuk Syed Norulzaman Kamarulzaman.

Persidangan tidak rasmi ketua-ketua Apec selama dua hari yang bermula esok merupakan forum antarabangsa terakhir yang akan dihadiri Dr Mahathir sebelum persaraannya akhir bulan ini.

Sebanyak 21 ketua negara dan perwakilan dari negara-negara rantau Asia Pasifik termasuk Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, Presiden Rusia Vladimir Putin dan Presiden China Hu Jintao dijadual menghadiri perjumpaan itu.

Dr Mahathir mempunyai jadual ketat sempena lawatannya ke sini bermula dengan perbincangan Asean-7 pada tengah hari ini.

Selain Malaysia, anggota Asean dalam Apec ialah Brunei, Indonesia, Filipina, Singapura dan Vietnam.

Dr Mahathir juga dijadual mengadakan beberapa perjumpaan termasuk dengan Perdana Menteri Kanada Jean Chretien dan wakil Taiwan ke persidangan itu, Dr Lee Yuen Tseh.

-- BERNAMA

AR HK MOZ